

07/10/1997

Media asing berniat jahat

MELAKA, Isnin - Media asing berniat jahat apabila menyarankan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan Perdana Menteri berikutan krisis mata wang sekarang, kata Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Mohd Ali Rustam.

Katanya, penulisan yang dibuat oleh media asing hendak memecah-belahkan rakyat supaya negara tidak stabil dan mahu ekonomi negara runtuh.

"Media asing seolah-olah ingin pula mengajar rakyat Malaysia menentukan kepemimpinan. Sebenarnya, kita tahu apa yang hendak kerana Dr Mahathir adalah pemimpin kita dan bukannya majalah berkenaan," katanya ketika menghubungi pejabat ini, petang ini.

Menurut beliau, berasaskan rekod, Malaysia berjaya dibangunkan sehingga dicemburi banyak pihak, terutama mereka yang ingin mencari keuntungan daripada kesusahan orang lain.

Berikutan itu, tegasnya, seluruh rakyat sama ada ahli Umno, peniaga dan pertubuhan sukarela yang selama ini merasai kenikmatan negara hendaklah bersama-sama berdiri teguh menyokong Dr Mahathir.

"Rakyat jangan terpengaruh dengan penulisan negatif media asing, sebaliknya menyokong rancang yang dikemukakan oleh Dr Mahathir dalam menangani krisis mata wang serta kejatuhan pasaran saham," katanya.

(END)